

## Isu Tanah Dan Hutang Dalam Kalangan Orang Melayu Kedah Berdasarkan Surat Undang-Undang, 1882-1909

### *Land and Debt Issues Among the Malays of Kedah Based on the Letters of Law, 1882-1909*

HASLINDAWATI SAARI, AZMAH ABD MANAF & NORIZAN KADIR

#### ABSTRAK

*Kajian ini membincangkan isu tanah dan permasalahan hutang dalam kalangan orang Melayu Kedah berdasarkan koleksi tempatan iaitu Surat Undang-Undang (SUU). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menilai sejauh mana isu tanah dan hutang membelenggu kehidupan orang Melayu Kedah sekitar tahun 1882 hingga 1909. Masalah hutang dan kehilangan tanah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu menyebabkan mereka hidup dalam kesusahan. Perubahan dalam pentadbiran, perundangan dan pemilikan tanah telah mengubah persepsi orang-orang Melayu terhadap kepentingan tanah. Tanah bukan sahaja dilihat sebagai tempat bercucuk tanam dan mencari rezeki tetapi tanah juga berfungsi sebagai modal dan pelaburan jangka panjang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis Surat Undang-Undang yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Perlis/Kedah di samping sumber primer dan sumber sekunder lain. Walaupun pejabat tanah yang wujud di Kedah pada tahun 1882 menunjukkan bahawa pentadbiran tanah Kedah mengalami kemajuan dan pemodenan tetapi hasil kajian menunjukkan bahawa masalah hutang dan isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu adalah amat serius. Isu hutang dan masalah kehilangan tanah bukan sahaja melibatkan golongan petani yang miskin tetapi turut membabitkan golongan atasan dan para pegawai kerajaan negeri. Hal ini turut berkait rapat dengan perubahan dalam polisi pentadbiran tanah yang dilaksanakan oleh kerajaan Kedah. Pentadbiran tanah yang bersifat tradisional tidak lagi diamalkan sebaliknya kerajaan Kedah memperkenalkan sistem pemilikan tanah yang beracuan Barat. Sehubungan itu, orang-orang Melayu, terutamanya golongan petani berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan tanah seperti proses mendapatkan tanah, masalah pemilikan tanah, cukai dan sewa tanah yang menyukarkan kehidupan mereka. Meskipun terdapat usaha-usaha daripada kerajaan Kedah bagi menambahbaik perundangan tanah, namun usaha tersebut masih tidak menguntungkan orang Melayu kelas bawahan. Penstrukturan dan penguatkuasaan hal ehwal tanah yang tidak teliti ini telah menyebabkan kehidupan orang Melayu semakin terhimpit dan dibelenggu pula dengan masalah hutang.*

*Kata kunci: Tanah; hutang; Surat Undang-Undang (SUU); orang-orang Melayu; persepsi*

#### ABSTRACT


*This study discusses the issue of land and debt problems among the Malays of Kedah based on local material, which is the Letters of Law (SUU). This study was conducted to identify to what extent the debt problems and loss of land faced by the Malays had caused them distress from 1882 until 1909. The problems of debt and loss of land faced by the Malays caused them to live in hardship. Changes in land ownership and its administration had changed the Malays perception toward the importance of owning lands. They then perceived the land ownerships more than just for self-sufficiency but as future capital and long-term investment as well. This study uses a qualitative method to analyze Letters of Law obtained from the National Archives of Malaysia Perlis/Kedah Branch as well as other primary and secondary sources. Although the land office that existed in Kedah in 1882 demonstrated the advancement and modernisation of the Kedah land administration, findings of this study show that debt issues and problems regarding loss of land among the Malays was very serious. Debt issues and problems regarding loss of land not only involved poor farmers but also involved the upper echelons of society and also state government officials. This is closely associated with the change in land administration policy carried out by the state government of Kedah. Traditional methods of land administration was no longer practiced and the state government of Kedah introduced a land ownership system that had close resemblance to the system in the West. Therefore, the Malays, especially the farmers faced a multitude of land related issues such as the process of acquiring land, land ownership issues, tax and land rent that were putting a strain on the lives. The results of the study show that the problem of debt and land loss among the Malays were dreadful because of changes in the land administration policy. Matters related to land in Kedah, such as the process of obtaining land, land ownership*

problems, taxes and land rent had burdened the farmers. Although there were efforts from the Kedah government to improve land legislation, those efforts still did not benefit the lower-class Malays. The weaknesses in structural and enforcement of land affairs have caused the lives of Malays to become increasingly cramped and burdened with debt problems.

Keywords: Land; loans; Letters of Law (SUU); Malay people; perception

PENGENALAN

Negeri Kedah memiliki sumber tempatan yang terdiri daripada kumpulan surat-menyurat atau warkah yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia Negeri Perlis/ Kedah dan Muzium Negeri. Sebagaimana istimewanya kandungan surat-menyurat yang terdapat di negeri-negeri Melayu lain, kandungan koleksi surat-surat yang terdapat di Kedah juga sarat dengan maklumat penting berkaitan pemerintahan Kesultanan Kedah dari aspek pentadbiran politik, ekonomi, sosial, budaya, perundangan, peraturan kekeluargaan dan sebagainya (Mahani Musa, 2015). Salah satunya ialah Surat Undang-Undang (selepas ini dikenali sebagai SUU) merupakan kumpulan salinan surat-menyurat yang tersusun dan ditulis ketika zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah ke-26. Keseluruhan bilangan halaman bagi koleksi yang bermula dari tahun 1903 hingga 1909 ini terdiri daripada 470 halaman yang mencatatkan 1120 perkara. Kandungannya meliputi 1106 helaian yang mencatatkan kes-kes mahkamah, lima helai notis, tujuh helai draf undang-undang dan dua helai catatan berupa peraturan negeri. Kandungan SUU merakamkan maklumat penting berkaitan permasalahan masyarakat dan pentadbiran negeri, di samping mendedahkan beberapa aspek berkaitan proses perundangan, jenis-jenis hukuman dan cara hukuman dilaksanakan termasuk peranan yang dimainkan oleh watak-watak utama di sebalik sistem kehakiman dan perundangan di Kedah. Berdasarkan kepentingan manuskrip surat-menyurat dalam penulisan sejarah negara, SUU dijadikan sandaran utama dalam kajian ini bagi memberi penekanan kepada isu tanah dan persoalan hutang yang wujud dalam kalangan orang-orang Melayu Kedah. Jelasnya surat-menyurat yang menjadi manuskrip Melayu yang bernilai tinggi ini turut merekodkan tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah Kedah dalam usaha menguruskan pentadbiran dan pengurusan tanah agar berjalan dengan lancar. Perihal rakyat Kedah turut dicatatkan melalui surat-surat kiriman antara pemerintah tertinggi dengan pembesar daerah dan pihak asing.



RAJAH 1. Contoh Surat Undang-Undang (SUU)
Sumber: Salinan Surat Undang-Undang
T.H 1321- T.H 1327

Kehidupan masyarakat Melayu Kedah sangat berkait rapat dengan fungsi tanah yang menjadi punca kepada aktiviti sosioekonomi. Tanah berkait rapat dengan keperluan asas kehidupan terutama makanan dan tempat tinggal selain pakaian. Di Kedah, seperti mana negeri-negeri Melayu lain, sektor pertanian menjadi asas ekonomi bagi orang-orang Melayu (Siti Hajar Sabran, Azlan Abas, Sitty Mazian Mazlan & Sharminii Devi Supramaniam, 2020), manakala tanah menjadi sumber kekayaan dan kekuasaan (Emerson 1987). Orang-orang Melayu Kedah menyedari kepentingan tanah kepada kehidupan mereka, maka wujud pengurusan tanah yang ditadbir dengan pelbagai adat dan peraturan.

Dalam soal tanah, kajian ini membincangkan sejauh manakah seriusnya masalah hutang dan kehilangan tanah dalam kalangan orang-orang Melayu akibat daripada perubahan dalam pentadbiran dan perundangan negeri. Pada masa yang sama, orang Melayu juga sering dikaitkan dengan imej dan sikap yang suka berhutang. Masalah ini berlaku disebabkan keperluan mendapatkan wang modal atau membiayai pelbagai kos sara hidup. Akibatnya, orang Melayu Kedah hidup dalam kemiskinan kerana kehilangan tanah yang mereka gadaikan ekoran daripada kegagalan melunaskan hutang-piutang. Kajian ini juga turut membincangkan sejauh mana persoalan hutang dalam kehidupan orang-orang Melayu dan kaitannya dengan tanah. Justeru, penjelasan turut memfokuskan kepada peranan golongan ceti dan pemodal atau peruncit Cina yang dilihat sebagai perantara kepada isu tanah, hutang dan kemiskinan orang-orang Melayu (Teh Koon Hoo 2003; Azman Isa 2013; Kartini Aboo Talib@Khalid 2016). Tambahan pula, dengan perubahan polisi pentadbiran tanah yang dilaksanakan oleh kerajaan Kedah, ia jelas menunjukkan peluang ekonomi lebih memihak kepada pemodal asing.

Orang-orang Melayu juga tidak dapat lari daripada tuntutan golongan atasan dan pemodal asing yang memonopoli sumber ekonomi Kedah pada penghujung abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Ketika bergelut dengan kehendak golongan tertentu, orang-orang Melayu juga perlu mempertahankan hak pemilikan tanah mereka melalui institusi perundangan yang sah. Maka dengan itu, kajian ini turut menilai sejauh mana masalah yang dihadapi oleh orang Melayu Kedah berkaitan isu tanah dan hutang berdasarkan SUU.

Tempoh masa kajian ini meliputi tahun 1882 sehingga 1909. Pemilihan tahun 1882 sebagai permulaan kajian kerana ketika itu Kedah mulai mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah yang ke-26. Baginda dilihat sebagai pemerintah tertinggi kerajaan negeri Kedah yang sentiasa menitikberatkan pembangunan dan kemajuan negeri. Berdasarkan kajian Khoo Kay Jin (1990) dan Sharom Ahmat (1984), mulai tempoh tersebut, Kedah digambarkan berada dalam suasana politik yang stabil selain mengalami pembangunan dan pemodenan dalam pentadbiran walaupun dicengkam oleh kuasa Siam. Kajian berakhir pada tahun 1909 kerana tahun berikutnya Kedah berada di bawah pentadbiran British.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian berkaitan tanah dan hutang dalam kalangan orang-orang Melayu sebelum kemasukan kuasa British ke Kedah kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji hari ini. Kajian yang sedia ada juga kurang menggunakan sumber tempatan, lebih-lebih lagi koleksi SUU sebagai sumber rujukan utama dalam penyelidikan. Berdasarkan kajian Azahari Mahmudin (2013), penulis telah menghujahkan tentang konsep pemilikan tanah tradisional dan sistem pemilikan tanah selepas kedatangan British. Penghujahan kajian menjelaskan tentang kepentingan dan nilai tanah kepada keseluruhan masyarakat Kedah. Hal ini juga dilihat memberi inspirasi kepada orang-orang Melayu bahawa tanah sebagai modal keuntungan masa depan. Azman Isa (2013) dalam tesis kedoktorannya, telah membuat kajian yang lebih terperinci berkaitan perkembangan pentadbiran dan perundangan tanah di Kedah. Beberapa isu berkaitan pengurusan tanah dan kaitannya dengan masyarakat Kedah turut diperdebatkan. Beliau berhujah bahawa terdapat dasar tanah yang menguntungkan golongan atasan dan golongan pelabur yang secara tidak langsung memberi kesan kepada aspek pemilikan tanah orang-orang Melayu di Kedah. Kajian seterusnya iaitu tesis sarjana oleh Nadiah Ismail (2013) yang memfokuskan kepada Tanah Simpanan Melayu di Kedah. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan perundangan tanah di bawah Tanah Simpanan Melayu tidak dapat menghalang orang-orang Melayu daripada kehilangan tanah mereka. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga kajian ini tidak banyak memperincikan persoalan tanah dan kaitannya dengan hutang dalam kalangan orang-orang Melayu Kedah.

Dalam penulisan sejarah Kedah, ramai lagi sarjana tempatan yang telah menghasilkan sejarah Kedah dalam pelbagai aspek pentadbiran seperti politik, ekonomi dan sosial. Antaranya termasuklah kajian Sharom Ahmat (1972), Mohammad Isa Othman (2001), Wan Shamsudin Mohd. Yusof (2003), Mahani Musa (2005) dan Badriyah Haji Salleh (2015) yang telah banyak menghasilkan kajian berkaitan sejarah Kedah daripada pelbagai perspektif termasuklah isu tanah dan hutang di Kedah. Namun demikian, persoalan tanah dan hutang dalam kalangan orang-orang Melayu Kedah tidak dikupas secara mendalam. Sebahagian besar isi kajian lebih cenderung kepada peranan dan penglibatan golongan atasan dalam pentadbiran negeri Kedah. Kelompongan dalam kajian sedia ada ini akan dianalisis dalam kajian ini berdasarkan sumber tempatan iaitu SUU.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan merungkai persoalan tanah dan masalah hutang dalam kalangan orang Melayu Kedah sekitar tahun 1882 hingga 1909. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan sejarah dan menggunakan sepenuhnya kaedah kualitatif. Melalui kaedah ini, pengkaji menganalisis dokumen termasuk pelbagai sumber lain dari arkib. Dokumen yang menjadi sumber khusus untuk dianalisis ialah SUU dalam membincangkan perkembangan pemilikan tanah orang-orang Melayu Kedah dan masalah hutang yang melingkari kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, koleksi surat-menyurat Kedah lain seperti SMSAH dan SRR turut dianalisis dan dijadikan sebagai sumber sokongan bagi kajian ini. Analisis dan kritikan dalaman sumber sangat penting dilakukan agar kandungan atau maksud sebenar maklumat sejarah yang terkandung dalam SUU dapat ditafsirkan (Othman Lebar, 2009). Selain itu, pengkaji turut merujuk sumber pertama lain iaitu fail-fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) dan fail dari Majlis Mesyuarat Negeri (*Council Decisions*) yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia Negeri Perlis/ Kedah serta Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Keseluruhan dokumen ditafsir secara objektif dalam konteks dan kerangka tajuk kajian bagi memberi gambaran yang tepat mengenai isu tanah dan hutang dalam kehidupan masyarakat Melayu Kedah. Kajian ini juga dibuat berdasarkan sumber sekunder diperoleh dari Arkib Negara Malaysia Negeri Perlis/ Kedah dan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Muzium Negeri Kedah, Perpustakaan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim dan perpustakaan-perpustakaan di universiti utama Malaysia seperti Perpustakaan Hamzah Sendut I dan II (Bahagian Malaysia) Universiti Sains Malaysia.

## PERKEMBANGAN PEMILIKAN TANAH DI KEDAH, 1882-1909

Dalam masyarakat Melayu tradisional, tanah yang telah diterokai perlu mendapat surat keterangan bagi menentukan hak pemilikan sebenar tanah berkenaan. Surat keterangan ini ditentusahkan oleh hakim, kemudiannya diserahkan kepada sultan untuk diperkenankan. Selepas mendapat perkenan daripada sultan, surat keterangan ini dikenali sebagai 'surat putus' yang membuktikan hak pemilikan tanah seseorang.

Selain memiliki tanah melalui penerokaan tanah-tanah yang telah diperkenankan oleh sultan, masyarakat Melayu tradisional juga memiliki tanah yang boleh diwarisi daripada kaum keluarga masing-masing. Terdapat juga sebilangan orang-orang Melayu memiliki tanah melalui pembelian sama ada tanah baharu atau tanah gadaian yang gagal dilunaskan oleh pemiutang. Tuntasnya, pemilikan tanah dalam kalangan orang-orang Melayu diperoleh menerusi pelbagai kaedah termasuklah melalui penerokaan tanah baharu, ampun kurnia, pembelian atau secara warisan yang mendapat pengesahan daripada pihak pejabat tanah.

Sebelum kemasukan British ke Kedah pada 10 Mac 1909, pemilikan utama tanah Kedah adalah dalam kalangan kerabat raja dan golongan atasan bergelar Wan, Syed, Megat dan sebagainya (Ahmad Farhan Abdullah Zakaria & Mohd. Samsudin, 2019; Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh). Golongan ini diberi kemudahan dan kelonggaran untuk memiliki tanah. Bagi golongan pembesar Kedah dan kelompok yang mempunyai hubungan baik dengan sultan, mereka tidak terkecuali daripada menerima hak-hak dan keistimewaan daripada sultan. Kelompok ini mempunyai peluang ekonomi yang lebih baik berbanding rakyat biasa yang hidup di kawasan perkampungan. Beberapa kandungan surat dalam SUU mencatatkan tentang pengurniaan tanah kepada golongan pembesar Kedah. Che Mohamad Ariffin telah diampunkurniakan oleh Sultan Abdul Hamid dengan sebidang tanah di Mukim Gurun seluas 8776 relong 289 jemba 27 kaki (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Pada 22 Safar 1327H (15 Mac 1909M), beliau telah mengutuskan sepucuk surat kepada Syed Mansur iaitu ketua pejabat tanah untuk membuat surat putus dan mohon untuk dilepaskan daripada membayar hasil tanah selama-lamanya. Permintaan tersebut diluluskan oleh kerajaan Kedah atas kebenaran sultan. Bukan itu sahaja, dicatatkan Che Mohamad Ariffin juga adalah pemajak cupak gantang dan pikul, kati serta hela. Dalam hal ini, hasil pajakan berkaitan juga menjadi punca pendapatan beliau dan jumlah hasil pajakan tersebut yang perlu dibayar kepada kerajaan Kedah hanyalah \$10 sebulan mulai 19 Jamadilakhir 1324H (12 Jun 1906M) (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909).

Kedudukan yang tinggi dalam pentadbiran membolehkan beliau mengumpul kekayaan. Didapati bahawa harta peninggalan Che Mohamad Ariffin ialah berupa rumah dan rumah kedai di Alor Setar bernilai \$97,000.00, tanah bendang, wang,

saham dalam rumah judi di Alor Setar, perkongsian dalam estet getah, perniagaan batu bata dan pelbagai lagi (Mahani Musa, 2005). Kemewahan yang dimiliki oleh Che Mohamad Ariffin yang dilihat sebagai pegawai kerajaan daripada kelompok rakyat pertengahan yang mempunyai hubungan rapat dengan sultan membuktikan bahawa golongan ini mampu mengumpul kekayaan untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Sultan Abdul Hamid melihat pembangunan ekonomi Kedah dapat ditingkatkan melalui hubungan baik dengan golongan pemodal asing terutamanya pemodal Cina. Tindakan baginda memberi pajakan ke atas kebanyakan komoditi utama Kedah kepada pemodal Cina bertujuan untuk menangani krisis kewangan Kedah dan membangunkan ekonomi negeri. Baginda sendiri dapat menjana pendapatan melalui hasil pajakan. Pemodal Cina bukan sahaja mempunyai ikatan persahabatan yang erat dengan sultan, mereka juga sering berhubung baik dengan pembesar daerah. Kesannya, kebanyakan permohonan tanah pajakan yang dipohon oleh golongan pemodal Cina melalui pejabat tanah sentiasa mendapat kelulusan daripada pemerintah. Maklumat yang terdapat dalam SRR mahupun SUU membuktikan bahawa sebelum datangnya British ke Kedah, ramai pemodal asing terutamanya saudagar Cina menduduki sebahagian besar kawasan yang kaya dengan sumber ekonomi. Sebagai contoh, Chong Ah Yu memiliki tanah dan beberapa jaringan pajakan di Kulim manakala Lu Lan Chong pula mempunyai hak pemilikan tanah dalam daerah Kota Setar dan membina jaringan pajakan di daerah tersebut. Bagi Chi Kian pula, pemajak ini memiliki banyak tanah kebun ubi kayu di Kuala Muda, termasuk beberapa jenis pajakan tanaman lain (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Dalam hal ini, konsesi pajakan tidak diberikan kepada orang-orang Melayu kerana kerajaan Kedah tidak yakin dengan keupayaan mereka sebagai penyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri. Kelemahan dari aspek modal, pengetahuan, kemahiran dan tenaga buruh tidak ada pada orang-orang Melayu sekaligus menyebabkan kelompok yang menjadi pilihan kerajaan ialah kelompok pemodal yang memiliki semua kelebihan tersebut.

Dalam usaha mengukuhkan kembali kewangan dan ekonomi Kedah, kerajaan Kedah lebih banyak menumpukan perhatian kepada pemajak berbangsa Cina bagi memajukan dan memodenkan pentadbiran Kedah. Kelompok ini bukan sahaja

mampu memiliki tanah yang banyak tetapi keluasan tanah yang diperoleh melebihi tanah yang dipegang oleh golongan kerabat diraja dan pembesar negeri. Pemajak Cina juga bertindak bijak dengan menguasai pelbagai jenis pajakan disebabkan kemampuan dan kekayaan yang mereka dimiliki. Walau bagaimanapun, pemodal asing yang mengusahakan tanah melalui pajakan tidak memiliki tanah secara kekal seperti mana golongan kerabat raja. Justeru, situasi ini lebih memberikan keuntungan kepada golongan yang memiliki tanah ampun kurnia. Apabila tamat tempoh pajakan, golongan pemodal perlu memperbaharui semula permohonan pajakan melalui tender kerajaan. Walau bagaimanapun, tindakan kerajaan Kedah mengutamakan golongan pemodal dalam pajakan dan pemilikan tanah menyebabkan orang-orang Melayu daripada golongan marhaen sukar untuk bersaing bagi mendapatkan tanah baharu.

Golongan rakyat kelas pertengahan seperti Che Mohamad Ariffin serta kelompok yang bergelar Haji, golongan agama dan penghulu mempunyai kehidupan yang lebih baik berbanding rakyat biasa. Kelompok ini seringkali dicatatkan sebagai kumpulan masyarakat yang dikecualikan daripada aktiviti kerahan, memiliki tanah melalui ampun kurnia, pewarisan dan pembelian. Mereka dianggap kelompok yang memiliki modal untuk mengusahakan tanah. Malah, segelintir daripada mereka diberi beberapa keistimewaan, misalnya, mereka tidak perlu membayar hasil tanah untuk tempoh tertentu, dikecualikan membayar permit dan sukat tanah serta dikecualikan daripada kerja-kerja kerahan. Golongan ini diberi kedudukan istimewa dalam aspek sosioekonomi. Sebagai contoh, Haji Muhamad Hashim dilihat sebagai wakil daripada kelompok rakyat kelas pertengahan yang memiliki tanah bendang dan tanah kampung. Beliau dikecualikan daripada membayar hasil tanahnya yang terletak di Mukim Sungai Baru seluas 21 relong dan tanah di Mukim Anak Bukit sebanyak empat relong setengah (SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895). Bukan itu sahaja, pengecualian ini berlangsung selama mana tanah-tanah berkenaan menjadi milik beliau. Gambaran kehidupan Haji Muhamad Hashim adalah cerminan kepada realiti kehidupan sebenar bagi sebilangan orang-orang Melayu yang memiliki pendapatan dan modal. Keadaan ini membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih baik berbanding kelompok Melayu marhaen yang hidup sebagai petani, nelayan, penternak dan sebagainya.

Walaupun orang-orang Melayu golongan bawahan kurang berpeluang menambah kekayaan melalui pemilikan tanah baharu tetapi sebahagian besar kelompok yang begelar 'haji' mempunyai peluang dan kemampuan untuk memiliki tanah melalui ampun kurnia. Hak pemilikan tanah pula lebih terjamin hingga kekal kepada keturunan seterusnya. Hal ini tidak berlaku kepada golongan petani yang hidup di perkampungan yang rata-ratanya hidup susah. Kesan daripada kehidupan yang sukar, mereka bukan sahaja tidak dapat mengumpul kekayaan tetapi juga sukar untuk mengekalkan hak pemilikan tanah yang sedia ada, apatah lagi memiliki tanah baharu.

Dalam hal pemilikan tanah, rakyat kelas pertengahan juga tidak terkecuali daripada memiliki tanah yang boleh mewarisi atau diwarisi daripada kaum keluarga masing-masing. Kelebihan yang dimiliki, sekurang-kurangnya tanah warisan membolehkan kelompok ini membina kehidupan keluarga yang lebih baik. Misalnya, Haji Husin mempunyai modal untuk menyewakan tanah miliknya kepada Ah Teck (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Justeru, hasil sewaan tanah turut menjadi sumber pendapatan bagi golongan pertengahan seperti Haji Husin. Sewaan tanah merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh rakyat Kedah untuk menambah pendapatan mereka.

Bukan itu sahaja, beberapa isi kandungan surat lain membuktikan golongan bergelar Haji berupaya memiliki tanah yang sah. Hal ini merujuk kepada catatan mengenai aduan yang dikemukakan oleh Haji Mat Ali, Haji Yusuf, Haji Yaakob, Haji Shukor, Haji Jusuh, Haji Husin, Haji Usop dan beberapa penduduk kampung dari Mukim Padang Lalang berkaitan penipuan yang dilakukan penghulu kampung ke atas tanah milik mereka (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Golongan ini dilihat bersatu hati mempertahankan tanah milik mereka yang dilihat sebagai aset penting untuk menambah kekayaan.

Orang-orang Melayu berbakti kepada tanah sebagai punca rezeki utama untuk menyara kehidupan mereka. Sebagai contoh, Mohd Said dan Halimah dilaporkan memiliki tanah sebanyak 14 relong secara bersama di Mukim Alor Merah (SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895) manakala Saad pula memiliki tanah bendang dan tanah kampung seluas lapan relong (SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895). Pemilikan tanah dalam pelbagai lapisan rakyat disahkan melalui surat putus, surat kecil dan geran tanah (Mohd. Kasturi Nor Abd. Aziz, 2011; Nurizwanfaizi

Nordin & Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, 2013; Azman Isa, 2013; Azahari Mahmudin, 2013). Hal ini membuktikan bahawa pada penghujung abad ke-19, Kedah telah memiliki asas pentadbiran tanah moden walaupun dianggap tidak dapat menjalankan fungsi sebenarnya dengan sempurna dan berkesan. Hal ini berkait rapat dengan peranan pejabat tanah yang tidak dapat melaksanakan fungsi sebenarnya akibat lemah dari aspek penguatkuasaannya. Sistem pentadbirannya masih dipengaruhi oleh unsur tradisional yang bergantung kepada budi bicara sultan dalam membuat keputusan dan tindakan. Pelaksanaannya pula tidak dapat dipraktikkan sepenuhnya kerana ketiadaan pegawai yang cekap menguruskan pentadbiran tanah dan yang berpengalaman dalam menangani tekanan daripada golongan atasan (Sharom Ahmat, 1984).

Bukan itu sahaja, bagi individu seperti Mat Arshad yang bekerja sebagai kerani kerajaan, dilihat memiliki tanah bendang yang agak luas di Teluk Malik iaitu sebanyak 40 relong. Mat Arshad juga dikecualikan daripada membayar cukai dan sewaan tanah (SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895). Berdasarkan kandungan SUU, surat-menyurat dan rekod kerajaan Kedah, kebanyakan individu yang bekerja dengan pihak kerajaan diberi beberapa keistimewaan dalam pelbagai bentuk. Perkara ini tidak dianggap mustahil kerana penjawat awam yang dilantik dalam kerajaan, sudah tentu pelantikan tersebut mendapat perkenan daripada sultan. Kandungan SUU turut mencatatkan ramai lagi penjawat awam diberi pelbagai keistimewaan dan kurniaan. Bagi orang-orang Melayu yang hidup mereka bergantung kepada pertanian padi, tanah amat penting bagi mereka. Selepas penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) pada 23 Julai 1905, kerajaan Kedah telah membuat penambahbaikan dalam sistem pentadbiran pejabat tanah (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909; SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895). Antaranya, terdapat peruntukan undang-undang yang jelas membenarkan pemilik tanah mengemukakan aduan dan rayuan berkenaan tanah mereka. Berdasarkan kepada kes-kes yang dikemukakan di mahkamah sebagaimana catatan dalam SUU, ramai pemilik tanah Melayu bertindak mempertahankan tanah mereka. Tindakan ini membuktikan lebih ramai orang Melayu mulai sedar tentang kepentingan tanah dan bertindak sewajarnya bagi mempertahankan tanah yang mereka miliki.

Permasalahan berkaitan tanah dialami oleh setiap orang daripada pelbagai lapisan masyarakat di Kedah. Bagi golongan atasan dan kelompok

yang memiliki tanah yang banyak, mereka kurang terkesan dengan masalah tanah tersebut tetapi bagi golongan petani yang memiliki tanah berkeluasan kecil, masalah seperti penipuan, penyelewengan, rampasan, perebutan tanah, lelongan tanah, bayaran hasil dan sewaan tanah menyukarkan lagi kehidupan mereka. Dalam hal ini, isu tanah yang sering dihadapi oleh pejabat tanah aduan dan rayuan berkaitan dengan penipuan atau penyelewengan. Antaranya penipuan yang melibatkan surat putus, surat kecil, geran tanah dan gadaian. Kes-kes sebegini sering banyak dibicarakan dalam mahkamah Kedah sama ada mahkamah besar, mahkamah kecil ataupun mahkamah-mahkamah daerah.

Dalam isu tanah, adakalanya rayuan yang dikemukakan oleh rakyat telah ditolak oleh pihak mahkamah atas pelbagai sebab. Walau bagaimanapun, terdapat kes penipuan yang melibatkan bayaran permit dan harga tanah penduduk di Kampung Gelung. Penipuan tersebut dibongkarkan oleh pemilik tanah bernama Embun dan Tok Mek Nab apabila mereka membuat aduan kepada pejabat audit mengenai perbuatan Syed Umar. Dicatatkan Syed Umar telah menyamar sebagai penulis ban atau penulis surat jual beli tanah. Beliau telah bertindak mengutip cukai permit dan hasil tanah daripada penduduk Kampung Gelung (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Walaupun tidak ditemui catatan tentang tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas Syed Umar tetapi kandungan surat bertarikh 6 Syaaban 1326H (3 September 1908M) membuktikan orang-orang Melayu seringkali berdepan dengan masalah kehilangan tanah yang dikaitkan dengan jenayah penipuan dan penyelewengan.

Bukan sahaja masalah penipuan seperti yang dilakukan oleh Syed Umar, malah wujud pelbagai bentuk penipuan lain seperti mana yang telah dilaporkan dalam SRR dan SUU. Sebagaimana yang dilaporkan dalam rekod kerajaan Kedah, masalah penipuan melibatkan aspek pertanahan kerap berlaku sehinggakan situasi ini dilihat memberi impak besar dalam kehidupan orang Melayu yang bergantung hidup kepada tanah. Jika diteliti, banyak perundangan berkaitan tanah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, malah undang-undang yang sedia ada dibuat penambahbaikan dan digantikan dengan terma yang lebih baik. Penguatkuasa yang tidak melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dengan telus kemudiannya menjadi penyebab kegagalan pelaksanaan undang-undang negeri.

Seperkara lagi, faktor kehilangan tanah juga disebabkan sikap orang Melayu sendiri. Perbuatan seperti mencabut batu terat dan merampas tanah milik orang lain melalui penipuan dilihat sebagai sikap mementingkan diri sendiri. Contohnya, seorang pemilik tanah bernama Mohamad Taib telah mengadu kepada mahkamah besar bahawa terdapat dua individu iaitu Haji Man dan Penghulu Salleh telah berpakat untuk mengambil tanah miliknya yang telah diwakafkan (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909; Ismail Kamus, 2017). Didapati penipuan berlaku apabila kedua-dua orang yang dituduh telah membuat surat kecil sebagai dokumen yang mengesahkan hak pemilikan ke atas tanah wakaf berkenaan. Walaupun catatan surat tidak mengandungi maklumat berkaitan keluasan sebenar tanah wakaf berkenaan atau bentuk hukuman yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah ke atas kedua-dua tertuduh ataupun apa-apa keputusan berkaitan pengaduan Mohamad Taib, namun perbuatan menipu berkaitan tanah wakaf dianggap sebagai perbuatan yang menyalahi undang-undang. Perbuatan Haji Man dan Penghulu Salleh yang melakukan penipuan demi kepentingan diri sendiri merupakan perbuatan yang tidak bermoral kerana melibatkan tanah wakaf. Tambahan pula, penghulu merupakan golongan pentadbir di peringkat mukim atau kampung yang sepatutnya bertanggungjawab menjaga kebajikan penduduk kampung (Mohd. Kasturi Nor Abd. Aziz, 2017).

#### ISU HUTANG DAN PERMASALAHAN TANAH DALAM KALANGAN ORANG- ORANG MELAYU KEDAH

Masalah kemiskinan dalam kalangan orang Melayu sering dikaitkan dengan masalah hutang dan perubahan sosioekonomi yang lebih mencabar. Pentadbiran dan perundangan tanah yang diwujudkan oleh kerajaan Kedah lebih memihak kepada golongan atasan dan golongan pelabur. Kelompok ini mempunyai peluang yang besar untuk mengusahakan komoditi utama Kedah dan secara tidak langsung, mereka menguasai ekonomi Kedah. Maklumat yang diperoleh berdasarkan kes-kes mahkamah dalam SUU secara tidak langsung membuktikan orang Melayu mengalami masalah hutang yang serius hingga kebanyakan daripada mereka kehilangan tanah yang menjadi punca pendapatan dalam kehidupan mereka.

Penelitian ke atas koleksi SUU, didapati masalah hutang di Kedah melibatkan semua peringkat, daripada golongan atasan hingga peringkat bawahan. Perkara ini banyak dicatatkan dalam rekod rasmi kerajaan Kedah yang membuktikan setiap lapisan masyarakat tidak terkecuali daripada amalan berhutang (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909; SRR T.H 1306 T.M 1888 No. 1; SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895; SRR T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911) No. 3; SMSAH; C.O. 716/1; Kedah Annual Report, 1906; SUK/Kedah A). Orang berhutang yang gagal membayar balik hutang piutang, kehidupan mereka kian sukar apabila terdapat tanah-tanah digadaikan jatuh ke tangan orang yang memberi hutang. Walaupun tiada maklumat lengkap berkaitan jumlah sebenar hutang tetapi rujukan daripada sumber-sumber tempatan menunjukkan golongan atasan antara kelompok yang paling ramai berhutang dengan pemodal Cina dan golongan ceti. Antaranya, kelompok kerabat raja seperti Tunku Mariam, Tunku Pua dan Tunku Sulaiman yang tinggal di dalam daerah Kota Setar. Golongan elit yang memegang jawatan dalam pentadbiran Kedah iaitu Wan Rhozali, Syed Mansur, Wan Yunus dan Syed Ibrahim di dapati turut terlibat dalam masalah hutang. Golongan atasan ini berhutang dengan pemiutang dalam jumlah yang agak besar iaitu antara \$150 hingga melebihi \$3000 (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Catatan surat menunjukkan kelompok ini berhutang atas tujuan membiayai perbelanjaan peribadi, modal, gaya hidup bermewah-mewah, berjudi, berfoya-foya dan sebagainya.

Masalah hutang juga berlaku dalam kalangan rakyat bawahan walaupun jumlah dan tujuan pinjaman berbeza. Sebagai contoh, didapati Saad berhutang dengan tauke Cina iaitu Tan Kung Phua manakala Man Haji Salleh dan Mat Isa turut berhutang dengan ceti India yang bernama Sutuaya (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Terdapat juga segelintir orang Melayu yang berhutang dengan individu yang mempunyai kedudukan kewangan yang lebih kukuh. Misalnya, Said berhutang dengan kerani Husin (penjawat awam) dan Semai Misai pula membuat pinjaman dengan Che Osman (pegawai daerah) (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Dalam soal hutang, kebiasaannya masyarakat Melayu bawahan berhutang untuk dijadikan modal membeli tanah atau membeli alat-alat pertanian, perbelanjaan harian, menganjurkan majlis kenduri, menunaikan haji dan sebagainya (Mahani Musa, 2005). Bagi

golongan petani pula, lazimnya mereka membuat pinjaman wang daripada golongan ceti atas sebab-sebab yang munasabah seperti membeli peralatan untuk bersawah, membersihkan kebun dan sebagainya.

Dalam soal hutang, sememangnya golongan petani adalah kelompok yang paling ramai kehilangan tanah. Bagaimanapun, hutang piutang bagi kelompok ini tidaklah sebanyak hutang yang ditanggung oleh golongan atasan. Kebanyakan orang Melayu berhutang dengan orang kaya Melayu, peruncit Cina dan ceti India bagi memenuhi keperluan asas. Seorang wanita bernama Lijah dicatatkan telah membeli lembu dengan seorang lelaki bernama Isa tetapi tidak melunaskan bayaran bagi pembelian lembu tersebut (tidak dinyatakan harga lembu) (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Begitu juga dengan Lebai Mat Salleh yang dikatakan telah meminjam wang sebanyak \$100 daripada Penghulu Mat Ali tetapi gagal membayar semula wang yang dipinjamnya. W. George Maxwell (Penasihat British di Kedah) melaporkan orang Melayu terperangkap dalam dua keadaan. Pertama, mereka perlu membayar hutang asal bersama dengan kadar bunga yang tinggi. Kedua, mereka mesti menjual hasil tanaman kepada pemiutang yang rata-ratanya membeli dengan kadar harga yang berada di bawah harga pasaran (CO 716/1). Dengan bebanan hidup yang dipikul oleh golongan petani, sukar untuk mereka melepaskan diri daripada masalah hutang. Hakikatnya, rata-rata penghutang gagal menyelesaikan masalah hutang dalam tempoh yang ditetapkan maka ramailah pemiutang mengemukakan aduan kepada mahkamah untuk membantu mereka mendapatkan kembali hutang mereka. Contohnya, ceti S.R.M. Satappa telah mengemukakan aduan kepada mahkamah untuk menuntut tanah milik Ibrahim bin Ali yang digadaikan kepadanya. Kesan daripada tindakan tersebut dan kegagalan melangsaikan hutang sebanyak \$340, Ibrahim terpaksa menggadaikan tanahnya seluas 20 relong yang terletak di Mukim Telok Kechai, Kota Setar kepada ceti S.R.M. Satappa (SUK/Kedah A). Didapati tanah gadaian yang dipohon oleh ceti S.R.M. Satappa adalah tanah yang diklafikasikan sebagai Tanah Simpanan Melayu (TSM). Disebabkan ketiadaan pembeli dalam kalangan orang Melayu, kerajaan telah meluluskan permohonan yang dikemukakan oleh ceti S.R.M. Satappa. Situasi yang berlaku juga menunjukkan TSM tidak mampu menghalang orang Melayu kehilangan tanah mereka.



Pada penghujung abad ke-19, didapati orang Melayu bukan sahaja berhutang dengan golongan ceti berketurunan India dan Singh tetapi juga dengan tauke-tauke Cina yang mampu memberi jumlah hutang mencecah ribuan ringgit. Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid, baginda sendiri mempelawa pemodal Cina untuk menawarkan bantuan kewangan kepada orang Melayu Kedah, lebih-lebih lagi golongan petani. Baginda sendiri pernah berhutang dengan pemodal Cina bagi membiayai kewangan peribadinya (Mohd Isa Othman, 2002; Sharom Ahmat, 1984). Selain itu, tindakan Sultan Abdul Hamid memajakkan cukai padi dan beras kepada pemajak Cina seperti Lu Lan Chong, Tan Chong, Eng Chong (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909) dan Ah Tiak (SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888) membuka ruang kemasukan pemodal Cina dari Pulau Pinang. Setelah pemodal Cina memasuki jaringan penanaman padi dengan berbekalkan modal yang besar dan teknologi peralatan yang lebih cekap serta moden, kelompok ini mula membina kilang-kilang beras (Rozaini Ahmad & Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, 2015). Kebanjiran tauke-tauke Cina di kawasan pertanian padi Kedah turut berperanan sebagai pembeli padi yang penting dan melakukan urusan jual beli peralatan pertanian secara berhutang. Di sinilah bermula pula masalah hutang lain dalam kehidupan masyarakat petani Melayu. Selepas musim menuai, kebiasaannya petani akan menyelesaikan hutang mereka dengan menjual hasil padi kepada tauke Cina yang bertindak sebagai pemiutang kepada mereka. Kelicikan tauke-tauke Cina telah menjerat petani Melayu dengan menetapkan sendiri harga padi pada tahap yang sangat rendah. Tindakan ini menyebabkan ramai golongan petani Melayu tidak dapat melunaskan hutang dalam masa yang ditetapkan memandangkan hasil padi tidak menentu, lebih-lebih lagi ketika berlakunya musim kemarau, serangan penyakit atau serangga dan sebagainya. Kesannya, petani diikat dengan masalah hutang yang mewujudkan kebergantungan yang berterusan dengan pemodal dan pengilang Cina.

#### LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN KEDAH MENANGANI ISU DAN PERMASALAHAN TANAH

Dalam soal hutang, pada 2 Mac 1907, kerajaan Kedah melalui MMN telah meluluskan enakmen yang memberi kuasa kepada pemberi hutang atau pinjaman untuk merampas tanah gadaian

sekiranya peminjam gagal melunaskan hutang mereka. Enakmen tersebut menetapkan tanah yang digadai, *“Provides a simple and much-needed procedure for seizure and sale of sale property in satisfaction of judgement debts and for summons and orders for payment by instalments”* (KAR, 1907). Maka, tanah-tanah yang digadai akan dituntut oleh pemiutang sekiranya penghutang gagal membayar kembali hutang-hutang mereka. Dalam hal ini, jika penghutang gagal melangsaikan hutang-piutang mereka, maka pihak pemiutang akan bertindak mengemukakan aduan atau rayuan kepada mahkamah atau MMN untuk mendapatkan hak gadaian mereka iaitu tanah. Ekoran daripada aduan pemiutang, pihak kerajaan perlu bertindak menyelesaikan permasalahan yang diutarakan. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan Kedah bagi menyelesaikan tuntutan pemiutang adalah menetapkan bahawa sekiranya segala harta yang dijual atau dilelong itu tidak mencukupi untuk membayar keseluruhan hutang, maka orang yang berhutang boleh membuat potongan gaji atau elaun untuk melunaskan hutang-hutang mereka yang tertunggak. Sekiranya terdapat hutang yang masih berbaki, harta lain yang dimiliki oleh orang berhutang akan dinilai untuk melunaskan hutang yang tertunggak. Situasi ini selaras dengan arahan kerajaan yang dikeluarkan pada 18 Rabiulakhir 1326 T.H (19 Mei 1908 T.M), iaitu orang yang memegang gadaian dibenarkan membuat tuntutan ke atas harta lain selain harta gadaian sekiranya hutang masih tertunggak walaupun harta gadaian telah dilelong (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Walau bagaimanapun, sekiranya penghutang masih mempunyai hutang dengan pemiutang lain, maka hasil gadaian harta lain akan dibahagi sama rata dalam kalangan pemiutang yang terbabit dengan penghutang (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Bagi golongan petani yang bergantung hidup dengan aktiviti pertanian padi, kebanyakan daripada mereka membuat pinjaman wang dengan tauke Cina atau ceti India untuk menampung kos hidup yang semakin mencabar. Hal ini berlaku disebabkan hasil padi yang diperoleh tidak menentu sehingga sukar untuk golongan ini menambah pendapatan, apatah lagi untuk melunaskan hutang piutang. Kesukaran hidup menyebabkan golongan petani hidup dalam kemiskinan. Bagi orang Melayu yang tidak memiliki tanah pula, kelompok ini terpaksa menyewa tanah untuk mencari rezeki dan adakalanya terpaksa berhutang demi kelangsungan hidup.

Kerajaan Kedah juga memandang serius terhadap masalah hutang yang berlaku dalam kalangan rakyatnya. Mulai 18 Julai 1910, kerajaan Kedah telah menetapkan semua perjanjian atau surat-surat hutang perlu didaftarkan sebelum 1 Disember 1910. Kegagalan mendaftarkan mana-mana surat perjanjian berkaitan hutang akan menyebabkan kerajaan Kedah tidak akan membantu sekiranya timbul masalah berkaitan hutang (Arnold Wright et., 1912). Ketetapan mendaftarkan perjanjian hutang memudahkan kerajaan merekodkan jumlah hutang dan keluasan tanah yang melibatkan rakyat Kedah, terutamanya orang Melayu yang memiliki tanah. Sekurang-kurangnya usaha tersebut dapat membantu kerajaan Kedah menangani masalah kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu akibat gagal menjelaskan hutang mereka. Walau bagaimanapun, ketetapan yang dibuat oleh kerajaan Kedah turut memberi manfaat kepada golongan pemiutang. Ramai pemiutang yang terdiri daripada tauke-tauke Cina dapat membuat tuntutan ke atas tanah-tanah orang Melayu yang digadaikan kepada mereka secara sah. Dalam hal ini, sememangnya banyak tanah milik orang-orang Melayu hilang di tangan tauke-tauke Cina kerana ramai penghutang Melayu gagal melunaskan hutang mereka. Maka, bukan sahaja golongan ceti India yang memberi tekanan berkaitan hutang, malah tauke-tauke Cina turut membuat tuntutan ke atas orang Melayu bagi mendapatkan hutang melalui tanah. Catatan dalam SUU menunjukkan ramai orang Melayu berhutang dengan ceti India, peruncit atau pengilang Cina. Hal yang sama turut dilaporkan oleh pihak British dan rekod kerajaan Kedah turut mencatatkan perkara yang sama.

Pihak kerajaan memberi perhatian yang tegas dalam soal hutang, lebih-lebih lagi selepas tahun 1913 apabila undang-undang membatalkan surat perjanjian berhutang di bawah kategori kerja panjang pendek diluluskan (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Perbendaharaan negeri telah diarahkan membayar hutang orang yang berhutang dan selaras dengan arahan tersebut, MMN telah meluluskan peruntukan sebanyak \$6000 pada tahun yang sama (Mohammad Isa Othman, 1990). Tindakan melalui perundangan ini merupakan keputusan kerajaan untuk membasmi masalah hutang ekoran daripada rayuan yang dikemukakan oleh orang-orang Melayu (SUK/Kedah A). Bagi golongan petani miskin, hal ini disambut dengan baik bagi membantu mereka bebas daripada masalah hutang.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian ke atas kandungan SUU, terdapat pelbagai catatan sejarah kemasyarakatan berkaitan isu tanah, pajakan, hutang, kerahan, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Keistimewaan lain yang terkandung dalam koleksi ini ialah maklumat berkaitan sejarah perundangan di Kedah. Koleksi ini memaparkan kes-kes di mahkamah yang melibatkan rakyat Kedah, khususnya orang Melayu yang berusaha mempertahankan hak mereka melalui saluran yang sah. Begitu juga dengan sistem pengurusan tanah yang dikendalikan oleh Pejabat Tanah Kedah.

Sistem pemilikan tanah di Kedah mengalami beberapa perubahan akibat perkembangan dalam kegiatan pertanian dan penerokaan tanah. Tanah-tanah yang dimiliki melalui ampun kurnia daripada sultan memperlihatkan golongan penerima ampun kurnia berupaya meningkatkan status ekonomi mereka. Tanah menjadi hak raja sehinggakan hak pemilikan tanah juga berada di bawah kawalan golongan atasan sahaja. Pembahagian tanah tidak jelas antara pemilikan awam dengan pemilikan raja atau golongan bangsawan. Manakala golongan petani pula diperlakukan sebagai buruh atau penyewa tanah yang perlu membahagikan hasil kepada dua bahagian iaitu antara petani dengan pemilik tanah (raja atau bangsawan). Situasi ini memberi ruang kepada berlakunya eksploitasi ke atas golongan petani sehingga boleh merencatkan daya usaha golongan berkenaan.

Perubahan dalam pentadbiran Kedah pada tahun 1905 yang menyaksikan wujudnya MMN memberi impak kepada pemilikan tanah dalam kalangan orang Melayu. Pemantapan dari aspek pengurusan tanah memberi keuntungan kepada golongan atasan dan pelabur asing di Kedah, lebih-lebih lagi pemodal Cina. Dasar dan polisi kerajaan memberi ruang kepada golongan ini menerima pelbagai kemudahan dan keutamaan untuk memiliki tanah disebabkan kemampuan mereka dari aspek modal.

Masyarakat Melayu bawahan kurang diberi peluang untuk melibatkati diri dalam kegiatan utama ekonomi Kedah. Pada masa yang sama, tiada usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak kerajaan untuk membantu meningkatkan taraf hidup orang Melayu. Pendekatan yang digunakan untuk menangani masalah kemiskinan juga tidak mampu mengekang masalah kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu. Kemiskinan hidup dan harga tanah yang semakin meningkat menyebabkan

orang-orang Melayu sukar untuk membeli atau menambah keluasan tanah yang dimiliki. Walaupun hidup dalam kemiskinan, orang Melayu tetap menghargai tanah milik mereka dan golongan ini bersedia mempertahankannya walaupun berhadapan dengan cabaran perundangan dan peraturan tanah yang ketat. Sebelum kemasukan British, dasar dan polisi kerajaan Kedah dilihat sebagai salah satu punca utama orang-orang Melayu berterusan terperangkap dengan aktiviti kerahan dan masalah hutang dengan golongan atasan serta golongan pemajak. Mereka juga terperangkap dalam jaringan hutang dengan golongan ceti, peruncit dan pengilang Cina. Masalah hutang mengakibatkan orang-orang Melayu Kedah hilang punca pendapatan mereka ekoran daripada tanah yang diusahakan jatuh ke tangan pemiutang. Amalan hutang dalam kalangan orang Melayu Kedah bukan sahaja menjadi punca mereka kehilangan tanah tetapi kelompok masyarakat ini juga berdepan dengan cabaran hidup yang membawa kepada kemiskinan.

#### RUJUKAN

- Ahmad Farhan Abdullah Zakaria & Mohd. Samsudin. 2019. Pembentukan istilah dan stratifikasi aristokrat Melayu Selangor Era Sultan Salehuddin, Sultan Selangor Pertama, 1766-1782. *Akademika* 89(2): 67-81.
- Azahari Mahmudin. 2013. Sistem Pemilikan Tanah dan Kesan Terhadap Tanah Pemilikan Orang Melayu di Kedah 1660 hingga 1941. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Azman Isa. 2013. Perkembangan Undang-Undang dan Pentadbiran Tanah di Kedah, 1667-1965. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Badriyah Haji Salleh. 2015. *Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid: Warkah Agung Warisan Dunia*. Arkib Negara Malaysia: Kuala Lumpur.
- CO 716/1 The Annual Report 1906-1920.
- CO 716/1 Yearly Report on the Administration of the State of Kedah.
- Emerson, R. 1964. *Malaysia A Study in Direct and Indirect Rules*. Kuala Lumpur: University Press.
- Ismail Kamus. 2009. *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- KAR. 1327H. 23 Januari 1909-22 Januari 1910).
- Kartini Aboo Talib@Khalib. 2016. Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika* 86(2): 65-78.
- Ku Din Ku Meh. *Undang-Undang Kedah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mahani Musa. 2015. The memory of the world Register: The Sultan Abdul Hamid correspondence and Kedah history. *Kajian Malaysia* 33(2): 53-74.
- Mahani Musa. 2005. *Sejarah Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah: 1881-1940*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Isa Othman. 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Isa Othman. 2001. *Pengalaman Kedah & Perlis Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2017. Kegiatan jenayah di Kedah menerusi surat-menyurat Sultan Abdul Hamid. *Jurnal Sejarah* 20(20): 51-70.
- Mohd Kasturi Nor Abd. Aziz. 2011. Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid: Satu Kajian Pensejarahan Negeri Kedah, 1882 - 1920-an. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2011. Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation* 29: 45-66.
- Nadiah Ismail. 2013. Melayu dan Tanah: Kajian Kes Terhadap Enakmen No. 63 (Tanah Simpanan Bagi Orang Melayu) di Kedah, 1930-1941. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Nurizwanfaizi Nordin & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2013. Perkembangan pentadbiran tanah di Kedah, 1909-1917. *Jurnal Sejarah* 22(2): 99-120.
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rozaini Ahmad & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2014. Dominasi Pengilang Cina, Pengeluaran Beras di Kedah, 1909-1941. *Jurnal Sejarah* 24(2): 1-17.
- Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1313 T.M 1895 No 2.
- Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911) No. 3.
- Salinan Surat Undang-Undang T.H 1321- T.H 1327.
- Sharom Ahmat. 1984. *Kedah Tradition and Change in Malay State: A Study Economic and Political Development: 1878-1923*. Monograph No. 12, MBRAS.
- Sharom Ahmat. 1972) The Debt-Bondage in Kedah. *Kedah dari Segi Sejarah* 4(1).
- Siti Hajar Sabran, Azlan Abas, Sitty Mazian Mazlan & Sharminii Devi Supramaniam. 2020. Amalan penggunaan racun perosak dalam kalangan pesawah di Pulau Pinang. *Akademika* 90 (Isu Khas I): 5-19.
- Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 1- No. 10.
- Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888 No. 1.
- SUK/K A T.H 1331-1341 T.M 1912-1922, T.H 1343-1354 T.M 1924-1935.
- Teh Koon Hoon. 2003. Sejarah Sosioekonomi Daerah Yan dari 1909 hingga 1957, Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 2003. Kedah Sehingga Abad ke-20 dalam *Warisan Sejarah Kedah Darul Aman*. Arkib Negara Malaysia: Kuala Lumpur.
- Wright, A. et. 1912. *The Malay Peninsular a Record of the British Progress in The Middle East*. London: Unwin.

Haslindawati Saari, Ph.D (*Corresponding Author*)  
Jabatan Sejarah  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim  
Emel: haslindawati@ipsah.edu.my

Azmah Abd Manaf, Ph.D  
Bahagian Sejarah  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
Emel: azmah110@gmail.com

Norizan Kadir, Ph.D  
Bahagian Sejarah  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
Emel: norizan.kadir@usm.my